

ATRIBUSI (Part 2)

Shafezan Hamidi Abd Hamid, Nik Rozita Bt Ab Lattip & Ong Ay Shin

Teori- Teori Atribusi

Terdapat teori atribusi yang digunakan. Teori itu ialah teori Heider Naïve, teori atribusi Shaver, teori model kiraan Kelly, teori Jones dan David dan model atribusi sebab-akibat Weiner.

1 Teori Heider Naive:

Membincangkan bagaimana kehidupan manusia terbentuk. Teori ini juga telah mencadangkan dua tujuan utama dalam kehidupan iaitu keperluan untuk membentuk persefahaman dalam dunia dan keperluan untuk mengawal persekitaran.

Manusia sering membezakan antara sebab dalaman dan luaran dalam menentukan tindakan. Atribusi dalaman melibatkan ciri individu, niat, tujuan dan sebagainya manakala atribusi luaran pula disebabkan oleh dunia fizikal. Contoh yang boleh diberikan ialah, seorang wakil rakyat memberi derma peribadi disebabkan keikhlasan ataupun disebabkan ingin orang melihat dia seorang yang bertanggungjawab.

2 Teori Atribusi Shaver:

Teori ini melibatkan tiga andaian semulajadi manusia, iaitu:

- a) Tingkah laku tidak terjadi secara rawak tetapi mempunyai pola tertentu.
- b) Setiap individu mempunyai naluri dan pendapat untuk menjelaskan dan meramalkan tingkahlaku orang lain.
- c) Pemerhatian yang membolehkan kita memahami tingkahlaku berdasarkan trait peribadi seseorang.

3 Teori Model Kiraan Kelly:

Teori ini uga dikenali sebagai teori sebab-akibat Kelly. Kelly mempercayai bahawa dalam cubaan untuk menutup punca terhadap sesuatu tingkah laku, manusia suka berkelakuan seperti saintis. Dalam kes ini, mereka cuba mengenal pasti apakah factor yang menyebabkan sesuatu tingkah laku itu terjadi. Misalnya suka marah, peramah, senyum dan sebagainya.

Bagi Kelly, teori ini dapat meramalkan sama ada bentuk tingkahlaku itu dari segi dalaman ataupun luaran. Sebagai contoh, ada dua orang lelaki, Amin dan Midi cuba memikat seorang wanita. Berdasarkan pemerhatian, Amin lebih segar dan bergaya berbanding Midi, tetapi akhirnya wanita itu terpikat pada Midi. Mengapa ini berlaku? Berdasarkan kes ini, mungkin Midi lebih bersopan santun, baik hati dan seorang yang romantis. (faktor dalaman) Atau mungkin Midi lebih berharta dan terjamin masa depannya. (faktor luaran)

4 Teori Jones dan David:

Teori ini juga dikenali sebagai teori *correspondent inference*. Teori ini cuba menerangkan bagaimana proses atribusi berlaku melalui usaha untuk memahami sesuatu tingkah laku itu dengan menumpukan perhatian kepada beberapa jenis tindakan yang dapat dijadikan sumber maklumat. Kenyataan ini dibuat kerana tingkahlaku dan tindakannya itu:

- a) Berlaku kerana tindakan bebas untuk dilakukan.
- b) Menghasilkan perbezaan, kesan yang tidak biasa.
- c) Tingkahlaku yang tidak dilakukan oleh kebanyakan orang.

Teori ini juga menunjukkan hubungkait antara tingkahlaku dan tindakan seseorang itu. Contohnya seorang remaja disamun di sebuah mesin ATM ketika jam 2 pagi. Apa yang kita akan terangkan tentang kejadian ini ialah, “remaja ini membahayakan dirinya mengeluarkan wang pukul 2 pagi dengan seorang diri. Pagi esok pun boleh mengeluarkan duit”.

